

21/11/1998

Semua layak suarakan hasrat: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sesiapa juga boleh menyuarakan hasrat untuk bertanding dalam pemilihan parti itu tahun depan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, sekarang ini masih terlalu awal untuk memperkatakan soal itu.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas laporan media mengenai hasrat beberapa pemimpin untuk bertanding pada pemilihan parti akan datang.

Semalam, Tengku Razaleigh Hamzah juga menyatakan beliau bersedia menimbang untuk bertanding jawatan timbalan presiden sekiranya mendapat sokongan anggota dan kepimpinan parti.

"Dia suaralah...tapi lambat lagi nak bertanding. Macam-macam boleh jadi sebelum itu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Reka Bentuk Perabot Malaysia (MFDC) di sini, hari ini.

Perhimpunan Agung Umno dijadualkan pada Jun depan. Selain Tengku Razaleigh, dua Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menyatakan kesediaan untuk bertanding jawatan berkenaan.

(END)